



24 Jun 2019
24 June 2019
P.U. (A) 169

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 3) 2019

FOOD (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 3) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No. 3) 2019**.

Peraturan baharu 19A

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 19 peraturan yang berikut:

“Bahan bantuan pemprosesan 19A. (1) Dalam peraturan ini, “bahan bantuan pemprosesan” ertinya apa-apa bahan yang digunakan dalam pemprosesan bahan mentah, makanan atau ramuan, untuk memenuhi maksud teknologi yang berkaitan dengan rawatan atau pemprosesan, tetapi tidak melaksanakan fungsi teknologi dalam produk akhir makanan dan mungkin mengakibatkan kehadiran residu yang tidak dapat dielakkan dalam produk akhir makanan.

(2) Bahan yang digunakan sebagai bahan bantuan pemprosesan hendaklah mematuhi *Guidelines on Substances used as Processing Aids (CAC/GL 75)*.”.

Pindaan peraturan 54

3. Peraturan 54 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “*utilissima*” dengan perkataan “*esculenta*”.

Pindaan Peraturan 130

4. Subperaturan 130(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “dekstrosa kontang” dengan perkataan “fruktosa dan glukosa”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) tidak boleh mengandungi lebih daripada—

(i) 20 peratus air;

(ii) 1 peratus abu; dan

(iii) 80 mg/kg hydroxymethylfurfural;”.

Pindaan peraturan 161

5. Peraturan 161 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Walau apa pun subperaturan (2), ikan dalam sambal tumis yang ditinkan hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 35 peratus ikan.”.

Penggantian peraturan 178A

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 178A dengan peraturan yang berikut:

“Sarang 178A. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, sarang burung burung mentah mentah bersih yang boleh dimakan—

bersih yang

boleh dimakan

(a) ialah rembesan dari kelenjar air liur daripada burung walit genus *Aerodramus* dan genus *Collocalia*; dan

- (b) hendaklah menjalani proses pembersihan termasuklah pengasingan, perendaman, penyingkiran bulu dan kotoran, dengan atau tanpa pengeringan.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), amilase, lipase dan protease boleh digunakan sebagai enzim yang dibenarkan semasa proses pembersihan, satu-satu atau dicampur, dan kadar maksimum yang dibenarkan hendaklah ditentukan melalui amalan pengilangan baik.

(3) Sarang burung mentah bersih yang boleh dimakan hendaklah mengandungi tidak lebih daripada 30 miligram bagi setiap kilogram (mg/kg) nitrit yang hadir secara semula jadi.”.

Pindaan peraturan 269A

7. Peraturan 269A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “gula” perkataan “, dekstrosa, glukosa atau madu”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “kondisioner makanan” dengan perkataan “bahan perisa”.

Pindaan peraturan 340

8. Peraturan 340 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (2)(b)(ii) dengan menggantikan perkataan “10” dengan perkataan “7”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Sos soya, sos kacang soya atau kicap hendaklah disteril secara komersil, dengan aktiviti air (a_w) lebih rendah daripada 0.85 pada suhu 25°C atau pH kurang daripada 4.5.”.

Pindaan peraturan 375

9. Subperaturan 375(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda —

(a) dengan memasukkan selepas perkataan “bijian lain” perkataan “dan hendaklah termasuk sake”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “15” dengan perkataan “20”.

Pindaan peraturan 384

10. Peraturan 384 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Sam Cheng” perkataan “dan Sochu”.

Pindaan peraturan 395

11. Peraturan 395 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “tak” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “tidak”; dan

(b) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “Apa-apa” dengan perkataan “Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, apa-apa”.

Dibuat 21 Mei 2019

[KKM. 600-1/1/35; PN(PU2)418/XXIV]

DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD
Menteri Kesihatan

FOOD ACT 1983

FOOD (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [*Act 281*], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Food (Amendment) (No. 3) Regulations 2019**.

New regulation 19A

2. The Food Regulations 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by inserting after regulation 19 the following regulation:

“Processing aids substance 19A. (1) In this regulation, “processing aids” means any substance that is used in the processing of raw materials, foods or ingredients, to fulfil a technological purpose relating to treatment or processing, but does not perform a technological function in the final food product and may result in an unavoidable presence of residues in the final food product.

(2) Substances used as processing aids shall conform to the Guidelines on Substances used as Processing Aids, (CAC/GL 75).”.

Amendment of regulation 54

3. Regulation 54 of the principal Regulations is amended by substituting for the word “*utilissima*” the word “*esculenta*”.

Amendment of regulation 130

4. Subregulation 130(2) of the principal Regulations is amended—

(a) in paragraph (a), by substituting for the words “dextrose anhydrous” the words “fructose and glucose”; and

(b) by substituting for paragraph (b) the following paragraph:

“(b) shall not contain more than—

(i) 20 percent water;

(ii) 1 percent ash; and

(iii) 80 mg/kg of hydroxymethylfurfural;”.

Amendment of regulation 161

5. Regulation 161 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(2A) Notwithstanding subregulation (2), canned fish in *sambal tumis* shall contain not less than 35 percent fish.”.

Substitution of regulation 178A

6. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 178A the following regulation:

“Raw-clean edible birdnest 178A. (1) For the purposes of these Regulations, raw-clean edible birdnest—

(a) is the secretion from the salivary glands of swiftlet genus *Aerodramus* and genus *Collocalia*; and

(b) shall undergo cleaning processes including sorting, soaking, removal of feathers and impurities, with or without drying.

(2) For the purpose of paragraph (1)(b), amylase, lipase and protease may be used as permitted enzyme during cleaning process, singly or in combination, and the maximum permitted proportion shall be governed by good manufacturing practice.

(3) Raw-clean edible birdnest shall not contain more than 30 milligram per kilogram (mg/kg) of nitrite which is naturally present.”.

Amendment of regulation 269A

7. Regulation 269A of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1), by inserting after the word “sugar” the words “, dextrose, glucose or honey”; and
- (b) in subregulation (2), by substituting for the words “food conditioner” the words “flavouring substance”.

Amendment of regulation 340

8. Regulation 340 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subparagraph (2)(b)(ii) by substituting for the word “10” the word “7”; and
- (b) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(2A) Soya sauce, soya bean sauce or kicap shall be commercially sterile with water activity (a_w) lower than 0.85 at a temperature of 25°C or pH less than 4.5.”.

Amendment of regulation 375

9. Subregulation 375(1) of the principal Regulations is amended —

(a) by inserting after the word “grain” the words “and shall include sake”; and

(b) by substituting for the word “15” the word “20”.

Amendment of regulation 384

10. Regulation 384 of the principal Regulations is amended by inserting after the words “Sam Cheng” the words “and Sochu”.

Amendment of regulation 395

11. Regulation 395 of the principal Regulations is amended—

(a) in the national language text by substituting for the word “tak” wherever appearing the word “tidak”; and

(b) in subregulation (4), by substituting for the word “There” the words “Except as otherwise provided in these Regulations, there”.

Made 21 May 2019

[KKM. 600-1/1/35; PN(PU2)418/XXIV]

DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD
Minister of Health